

Tugas pelajar sekarang: Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Sabtu. —

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan bahawa peranan pelajar adalah sangat luas dan besar dalam menghadapi perkembangan sosio-politiko-ekonomik negara sekarang.

Bagaimanapun, ujarinya, para pelajar mestilah ingat bahawa tugas penting mereka ke universiti untuk belajar kerana rakyat telah banyak menanam modal untuk membiayai pendidikan mereka.

Katanya, rakyat telah banyak mengeluarkan bantuan dan biasiswa kepada para pelajar, oleh itu mereka mahu melihat para pelajar berjaya dalam pengajian mereka.

Menimba

Menurutnya, tugas dan tanggungjawab utama para pelajar untuk membalas budi rakyat ialah dengan menimba dan mencungkil sebanyak-banyak ilmu pengetahuan semasa belajar supaya dapat memberi khidmat bakti kepada negara dan masyarakat.

Beliau berkata para pelajar juga perlu mengetahui dan mengambil tahu tentang masalah rakyat dan negara kerana masyarakat sekarang telah semakin dewasa dan sentiasa mengharapkan maslahat dan tunjuk ajar yang berguna dari bakal-bakal pemimpin dan pentadbir terdiri dari para pelajar sekarang.



DR. MAHATHIR

"Oleh itu para pelajar perlu mempunyai kebolehan, kematangan dan pengalaman yang luas dalam berbagai bidang, bukan semata-mata pelajaran yang diajar sahaja," ujarinya.

Tegasnya, pelajar-pelajar yang semata-mata belajar sahaja di universiti maka otak mereka akan kosong dan tidak boleh menjadi pemimpin dan pentadbir yang cekap dan dedikasi.

Katanya, pemimpin-pemimpin dan pentadbir yang kurang pengalaman dan tidak cekap tidak berguna kepada masyarakat dan negara yang sedang membangun pesat ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap mengambil bahagian dalam majlis forum yang berjudi "Peranan Pelajar Dalam Menghadapi Perkembangan Sosio-Politik-Ekonomi Negara Pada Masa Kini" di Auditorium Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Pantai Baru di sini, malam tadi.

Majlis forum itu yang berjalan dengan begitu hebat dan hangat sekali dengan tepuk sorak dihadiri oleh kira-kira 2,000 orang mahasiswa dari berbagai-bagai universiti dan pusat pendidikan tinggi sehingga menyebabkan auditorium itu

Oleh AHMAD OSMAN

M. - 10151974

menjadi penuh sesak.

Tiga orang ahli penai lain yang mengambil bahagian ialah Puan Senator Rafidah Aziz dari Universiti Malaya, Encik Anwar Ibrahim, Presiden, Majlis Belia Malaysia (MBM), dan Presiden, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), dan Encik Abdul Rahman Rukaini, Presiden, Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), dan Presiden, Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM).

Bercakap sebagai peserta penal yang pertama, Dr. Mahathir memberi amaran, pelajar Malaysia di luar negeri yang menjalankan kegiatan-kegiatan anti kerajaan akan ditangkap bila mereka pulang ke negeri ini.

Katanya, kerajaan akan bertindak tegas menangkap mereka yang didapati terlibat dengan kegiatan-kegiatan sabersif yang cuba menggulingkan Kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat negeri ini sendiri.

Politik

Beliau berkata, "rakyat negeri ini tidak sekali-kali rela menyerahkan Kerajaan yang mereka pilih itu kepada mana-mana pertubuhan pertubuhan politik haram seperti komunis yang telah banyak melakukan kekejaman dan penganiayaan terhadap rakyat.

Dr. Mahathir menyatakan bahawa Kerajaan memang sedar adanya segolongan para pelajar Malaysia di luar negeri seperti di New Zealand dan Australia menjalankan kegiatan anti Kerajaan dan Kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat itu.

Beliau mengecam sikap kerajaan negeri-negeri tertentu yang menuduh kerajaan Malaysia tidak pandai mentadbir bersabit dengan kejadian tersebut.

Katanya, "Zaman untuk menerima nasihat orang kulit putih sudah tamat, sebaliknya kita tahu apa tindakan yang akan kita lakukan terhadap mereka yang terlibat itu," tegasnya.

Menurutnya, pelajar-pelajar juga adalah diberi kebebasan bergerak dan mengambil bahagian dalam gerak-geri Politik di negeri ini.

"Oleh itu pelajar-pelajar tidak boleh meminta keistimewaan politik dari rakyat biasa yang lain, kalau mereka melanggar undang-undang negara maka mereka akan ditahan.

Hangat

Semasa mengemukakan pendapat-pendapatnya dalam majlis forum yang hangat itu, Encik Anwar Ibrahim menegaskan bahawa suatu perubahan besar dan kesedaran pemikiran baru sudah lahir di kalangan pelajar-pelajar hari ini.

Menurutnya, segala tindakan pelajar seperti mengadakan demonstrasi itu adalah dilakukan dengan penuh sadar dan tanggungjawab bukan dihasut dan dipengeruhi oleh siapa-siapa pun.

Katanya, pelajar-pelajar hari ini bertindak terhadap sesuatu issue yang timbul di negeri ini kerana mereka cuba mahu merobah masyarakat ke arah cara berfikir yang lebih rasional dan ingin melihat bahawa keadilan benar-benar diamalkan di negeri ini.